

# **Kertas Bil. 41/2014**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN KUMPULAN SEMESTA  
SDN BHD (KSSB)**

---



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB).**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 24-28 November dan 1-5 Disember 2014.

**2. LAWATAN KE KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)**

Lawatan ke Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) pada hari Selasa, 2 September 2014, jam 10 pagi merupakan satu daripada rangka kerja Jawatankuasa bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan pentadbiran agensi badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri.

Hadir dalam lawatan tersebut:

1. Y.B Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli
3. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
5. Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli

Wakil daripada KSSB yang memberikan taklimat kepada ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

1. Y.Bhg. Dato' Dr Azimuddin Bahari  
Ketua Pegawai Eksekutif KSSB
2. Encik Khamarul Baharin bin Zubir  
Jabatan Audit, Pematuhan dan Integriti
3. Encik Haji Ghazali bin Yacob  
Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran

4. Encik Yusaini bin Wan Abi Sabian  
Jabatan Tanah dan Dokumentasi

### **3. PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA**

Laporan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa sepertimana pada 1 Oktober 2014 setelah dua ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri meletakkan jawatan:

- i) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari yang meletakkan jawatan pada 26 September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.
- ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz yang meletakkan jawatan pada 1 Oktober 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 1 Oktober 2014.

Ahli Jawatankuasa sebagaimana 5 November 2014:

- |                                                               |           |
|---------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)    | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)              | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)     | Ahli      |
| 4. Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)              | Ahli      |
| 5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli      |

Pada masa Pendengaran Tertutup ini berlangsung, segala keterangan yang dilaporkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini dihadiri dan didengar oleh ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang sebelum ini seperti berikut;

1.	Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
3.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
5.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli
6.	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves)	Ahli
7.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli

#### **4. LATARBELAKANG KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)**

KSSB merupakan anak syarikat milik penuh MBI yang ditubuhkan pada 26 Jun 2008 dengan modal dibenarkan sebanyak RM 5 juta dan modal berbayar sebanyak RM 2.5 juta untuk mengekstrak pasir dan mengurus sumber-sumber mineral dan bahan batuan dalam Negeri Selangor. KSSB juga adalah sebahagian daripada dasar Program MES (Merakyatkan Ekonomi Selangor).

Visi dan halatuju utama KSSB ialah memenuhi permintaan pasir di dalam Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Lembah Klang), mengurangkan ketirisan dan meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri melalui kutipan royalti pasir dan memanjangkan tempoh hayat rizab pasir di tanah milik Kerajaan Negeri dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC).

#### **5. FAKTA OPERASI DAN AKTIVITI PENGEKSTRAKAN PASIR**

1. Anggaran permintaan pasir sebulan ialah 1.6 juta tan metrik tetapi penawaran oleh KSSB sebulan ialah 0.8 juta tan metrik. Yang selebihnya, ditawarkan oleh negeri-negeri lain.
2. Royalti dibayar kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) mengikut kuantiti pasir sebenar yang dipindahkan dan doket dengan kuantiti pasir sebenar yang dipindahkan dikeluarkan untuk setiap muatan pasir.

3. KSSB diberikan tanggungjawab memastikan aktiviti melombong pasir mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan-jabatan Teknikal dan mesra alam sekitar dengan penyediaan pelbagai SOP (*Standard Operating Procedures*) seperti SOP Permohonan Permit Lombong GLC, SOP Permohonan Permit dan sebagainya untuk memantau setiap tahap penguatkuasaannya.
4. KSSB memberikan peluang kepada operator-operator yang beroperasi secara tidak sah memutihkan aktiviti mereka atau menyertai tender untuk menjadi kontraktor KSSB.
5. KSSB diberikan tanggungjawab menawarkan pasir yang mencukupi supaya dapat mengurangkan aktiviti lombong haram.
6. KSSB juga bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengekstrakan pasir haram.
7. Operator Lombong Persendirian dan Kontraktor Cucigali Sungai dibenarkan menjual pasir sendiri pada harga yang mereka tentukan.
8. Bagi lombong GLC, harga yang ditawarkan oleh KSSB di kawasan utara Semenanjung adalah pada harga RM 24 per tan dan di kawasan selatan Semenanjung pula pada harga RM 26 per tan kerana permintaan pasir di selatan Semenanjung adalah lebih tinggi.

## 6. PERAKUAN KSSB

1. Pasir di negeri Selangor merupakan sumber terhad dan lombong pasir HORAS di Bestari Jaya hanya mampu membekalkan 20 ribu hingga 30 ribu tan metrik pasir sehari selama 15 tahun.
2. Nilai sebenar pendapatan pasir yang boleh diperolehi setiap tahun ialah RM 100 juta.
3. KSSB terpaksa bersaing dengan import pasir dari negeri-negeri jiran yang lain kerana harga pasir yang ditawarkan adalah kompetitif di antara RM 15-RM 18 disebabkan hanya perlu menanggung kos pengangkutan.
4. Pasir import dari negeri-negeri jiran berkemungkinan dari sumber yang tidak sah.
5. Kawasan yang berpotensi untuk perlombongan pasir juga semakin berkurangan dari semasa ke semasa dan KSSB tidak mempunyai tanah sendiri dan bergantung sepenuhnya kepada sungai, tanah kerajaan atau tanah GLC.
6. Pembayaran dividen oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri ialah antara 90%-100% dan pada kadar yang tidak tetap. Dividen ini digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membiayai program MES seperti Jom Shopping.

7. KSSB tidak dapat memantau operator lombong pasir haram dengan efektif terutama operator lombong pasir haram tegar kerana KSSB tidak mempunyai unit penguatkuasa sendiri dan terpaksa bergantung kepada Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah Daerah. KSSB hanya berperanan melaporkan lombong pasir haram kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD).
8. Bagi proses cucigali sungai, satu papan tanda didirikan untuk memudahkan proses mengenalpasti lombong pasir di bawah penguatkuasaan KSSB.

## **8. PENEMUAN JAWATANKUASA**

1. KSSB mempunyai dua pendekatan jangka pendek dan panjang iaitu pertama meningkatkan penguatkuasaan terhadap pasir daripada negeri jiran supaya dapat meningkatkan hasil kutipan royalti dan kedua memanjangkan tempoh hayat rizab pasir di kawasan stockpile yang lama dan baru seperti lombong HORAS di Bestari Jaya.
2. Nilai unjuran pendapatan hasil pasir antara RM 120 juta hingga RM 150 juta setahun tidak mencapai sasarnya kerana merupakan “over projection”. Tetapi nilai pendapatan hasil pasir serta bahan batuan yang lain mencapai sasaran RM 120 juta-RM 150 juta setahun.
3. Pembayaran dividen oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri adalah konsisten setiap tahun sejak penubuhan.
4. Aduan KSSB mengenai lombong pasir haram kurang mendapat kerjasama daripada pihak PTD dan PTG dan KSSB terpaksa bergantung kepada pegawai “on-site” KSSB untuk memantau aktiviti pengekstrakan pasir di lombong GLC dan lombong persendirian. Surat yang dihantar kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) adalah seperti berikut:

No	Lokasi	Bilangan Surat Aduan Yang Dihantar
1	Tapak Puchong Prima	Empat surat
2	Labohan Dagang, Banting, Selangor	Dua surat
3	SKC Timah, Bukit Beruntung dan Ulu Kali	Tiga surat
4	Ulu Kali, Rasa Hulu Selangor	Empat surat
5	Tapak Sungai Long-Kuari Sungai Long	Satu surat
6	Kawasan Bukit	Empat surat

	Changgang, Daerah Kuala Langat, Selangor	
7	Sungai Jelok Kajang	Enam surat
8	Taman Perindustrian Puchong	Dua surat
9	Tapak Operasi KSSB di UIAM	Dua surat
10	Taman Desa Kenari, Kalumpang	Dua surat
11	BT 81/2 Gombak	Satu surat
12	Sungai Pusu, Daerah Gombak	Dua surat
13	Sungai Rinching (Bersebelahan Lebuhraya Lekas, Daerah Hulu Langat)	Satu surat
14	BT 14 Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Dua surat
15	H.S. (M), PT 2214 dan H.S (M) 1802, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Dua surat
16	Batu 29 Kg Air Hitam Jalan Rawang Btg Berjuntai Rawang Selangor	<p>Lawatan oleh Bhg Keselamatan KSSB telah dibuat pada 13 Ogos 2014.</p> <p>Disahkan laporan berkaianan adalah betul.</p> <p>Laporan tidak dibuat kepada PTG dan PTD disebabkan mereka telah dimaklumkan oleh pengadu Encik Azman bin Abdullah seperti surat pengardu kepada Menteri Besar Selangor bertarikh 17/7/2014-Satu surat</p>

Sumber: Kumpulan Semesta Sdn Bhd.


5. KSSB tidak menggunakan hasil pendapatan untuk melabur dalam segmen perniagaan yang lain supaya tidak sahaja bergantung kepada hasil pendapatan aktiviti pengekstrakan pasir.

## **8. SARANAN JAWATANKUASA**

1. Kerajaan Negeri harus sinergikan dua pendekatan jangka pendek dan panjang iaitu pertama meningkatkan penguatkuasaan terhadap pasir daripada negeri jiran supaya dapat meningkatkan hasil kutipan royalti dan kedua memanjangkan tempoh hayat rizab pasir di kawasan stockpile yang lama dan baru seperti lombong HORAS di Bestari Jaya.
2. Kerajaan Negeri harus menetapkan kadar dividen yang dibayar oleh KSSB setiap tahun supaya KSSB boleh menggunakan hasil pendapatan yang selebihnya untuk pelaburan korporat.
3. Kerajaan Negeri harus bersepakut dengan negeri jiran yang lain untuk menujuhkan satu pasukan khas PTG yang bertanggungjawab memantau pencurian pasir dan lombong pasir haram yang tegar.
4. Kerajaan Negeri harus memastikan operasi pasir KSSB disepadukan dengan operasi bahan batuan lain seperti pengkuarian.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) dan Y.B. Tuan Ng Sze Han (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 5 November 2014.

Disahkan oleh:



.....  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS):

- |                                                                |           |
|----------------------------------------------------------------|-----------|
| i)Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii)Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)               | Ahli      |
| iii)Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)     | Ahli      |
| iv)Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)               | Ahli      |
| v)Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)   | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- i)Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii)Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii)Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv)Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v)Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- vi)Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker